05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berdikari dan mampu membuat pilihan dan menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian. Dengan ini, pelajar harus mempunyai cara berfikir dan sikap ingin tahu yang berterusan, serta berkeyakinan dalam menghadapi situasi baru di luar bilik darjah. Penyelesai masalah yang berjaya mempunyai banyak kelebihan dalam kehidupan seharian dan alam pekerjaan. Ini adalah kerana penyelesaian masalah dapat membantu pelajar berfikir tentang masalah yang dikaitkan dengan situasi sebenar dan memindahkan pengetahuan yang diperoleh kepada situasi tersebut.

Dalam sejarah perkembangan pendidikan matematik di Malaysia, kurikulum mata pelajaran Matematik telah mengalami banyak perubahan sejak merdeka hingga sekarang. Penyelesaian masalah dalam kurikulum matematik di Malaysia telah diberi penekanan sejak 1970an berlandaskan penyelesaian masalah Model Polya. Kepentingan penyelesaian masalah dalam matematik diberi penekanan dalam reformasi radikal Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 yang disemak semula dan ditukar kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah pada tahun 1993 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), juga peka terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan banyak program telah dilaksanakan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran matematik. Sejajar dengan itu penyelesaian masalah juga telah diintegrasikan ke dalam kurikulum matematik di Malaysia. Objektif pendidikan matematik di bawah kurikulum sekolah rendah adalah bertujuan untuk membolehkan pelajar mengetahui dan memahami konsep di samping menguasai kemahiran-kemahiran asas tertentu. Manakala matlamat kurikulum matematik sekolah menengah adalah bertujuan untuk membentuk individu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpemikiran matematik dan berketerampilan mengaplikasikan pengetahuan matematik dengan berkesan dan bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan supaya pelajar berupaya menangani cabaran dalam kehidupan seharian. Ia juga bersesuaian dengan perkembangan sains dan teknologi seperti yang dihuraikan dalam wawasan 2020. Oleh yang demikian pembelajaran penyelesaian masalah adalah penting dan harus menarik minat pelajar untuk mempelajarinya dengan menggunakan pelbagai kemahiran dan strategi penyelesaian masalah.

Penyelesaian masalah berayat adalah bentuk penyelesaian masalah yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran matematik. Penyelesaian masalah berayat memerlukan pengetahuan sedia ada yang secara objektifnya menguji kualiti, ketepatan dan pengetahuan berkaitan dalam menyelesaikan masalah, dan bukan dengan cara menggabungkan pelbagai hafalan cara penyelesaian. Banyak kajian telah di dalam dan luar negara menunjukkan ramai pelajar mengalami kesukaran menyelesaikan masalah berayat. Misalnya keputusan *Programme for International Student Assessment (PISA)* (2003) mendapati pelajar di Amerika Syarikat yang berumur 15 tahun mendapat keputusan yang mengecewakan dalam penyelesaian masalah berayat berbanding dengan negara-negara lain yang terlibat dalam kajian tersebut Mayer *et al*. (1991). Di Malaysia pula, kajian Parmjit dan Lau (2006) ke atas pelajar kolej lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), yang dikelompokkan mengikut gred keputusan matematik dalam SPM, mendapati kebanyakan pelajar dapat melakukan prosedur matematik yang asas apabila soalan yang diberi adalah dalam bentuk simbol. Walau bagaimanapun mereka tidak dapat mengaplikasikan prosedur tersebut apabila soalannya berbentuk perkataan, kerana pemahaman konsep

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

matematik yang rendah. Pelajar yang mendapat gred cemerlang dalam SPM juga tidak menunjukkan prestasi yang sama dalam ujian penyelesaian masalah berayat.

Di samping itu, Malaysia juga telah mengambil bahagian dalam *'The Third International Mathematics and Science Study-Repeat*, TIMSS-R' (1997-2000) yang dianjurkan oleh *International Association for the Evaluation of Educational Achievement* (IEA). Kajian ini dijalankan pada tahun 1998 dan seramai 5,713 pelajar tingkatan dua telah terlibat sebagai partisipan. Keputusan secara keseluruhannya menunjukkan prestasi matematik dalam kalangan pelajar Malaysia daripada 38 buah negara adalah rendah terutama berbanding dengan Singapura dan Jepun (Lay & Khoo, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian *Trends In International Mathematics and Science Study* 2003 melibatkan pelajar tingkatan dua dari 50 buah sekolah seluruh negara. Kerangka kerja dan spesifikasi ujian matematik dalam kajian tersebut diagihkan kepada domain kognitif, iaitu a) Pengetahuan berbentuk fakta dan prosedur (15%); b) Penggunaan konsep (20%); c) Penyelesaian masalah rutin (40%); dan d) Penaakulan (25%) (Mullis *et al*., 2004). Peratusan ini menunjukkan aspek penyelesaian masalah adalah penting dan diberi penekanan dan dijangka pelajar dapat memilih dan mengaplikasikan prosedur dan strategi yang telah dipelajari. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini menunjukkan pelajar tingkatan dua di Malaysia yang mencapai penanda aras tertinggi adalah kecil berbanding dengan Negara Asia Pasifik yang lain. Hanya 6% orang pelajar Malaysia berjaya memperoleh skor purata tertinggi berbanding Singapura (44%), China Taipei (38%), Korea (35%), Hong Kong (31%)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan Jepun (24%). Sebagai contoh, dalam soalan penyelesaian masalah berayat *Trends In International Mathematics and Science Study* 2003, domain kandungan, peratus markah penuh pelajar Malaysia adalah 47% sahaja berbanding dengan Singapura (79%), Jepun (62%), Korea (68%), Australia (53%) Amerika Syarikat (52%) dan England (50%) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004; Mullis *et al*., 2004).

Dalam kajian *Trends In International Mathematics and Science Study* 2007 (Mullis *et al*., 2008), Malaysia adalah antara 59 buah negara yang mengambil bahagian dalam kajian yang melibatkan pelajar tingkatan dua. Pencapaian dalam *Advanced International Benchmark* yang diperoleh dalam penyelesaian masalah berayat, mendapati Malaysia hanya mendapat peratus kredit penuh sebanyak 14% berbanding dengan purata antarabangsa sebanyak 18%. Manakala pencapaian *High International Benchmark* keputusan yang diperoleh untuk penyelesaian masalah berayat adalah 24% dibandingkan dengan purata antarabangsa sebanyak 34%. Ini memberi tanda jelas bahawa pelajar-pelajar tingkatan dua di Malaysia masih kurang mahir dan belum menguasai penyelesaian masalah berayat matematik berbanding dengan negara-negara lain yang mengambil bahagian dalam kajian ini.

Menurut Schoenfeld (1987), pelajar-pelajar sebenarnya bukan lemah dalam penyelesaian masalah, tetapi kurang mahir dalam mengatur strategi untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Oleh itu setiap pelajar harus diajar secara sistematik untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan dalam aspek penyelesaian masalah. Penyelesaian masalah terutama bentuk berayat memerlukan tahap pemikiran yang tinggi. Selain itu penyelesaian masalah juga melibatkan aplikasi pengetahuan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran dan strategi untuk situasi yang berlainan (Fuchs, Finelli, Courey & Hamlett, 2004). Memindahkan masalah berayat kepada bentuk yang mudah adalah sukar bagi pelajar yang kurang berkemahiran matematik dan gagal menggunakan kemahiran yang mereka pelajari dalam menyelesaikan masalah berayat yang mudah hinggalah masalah kompleks yang melibatkan pelbagai situasi; contohnya masalah yang melibatkan maklumat daripada jadual atau graf, masalah yang mengandungi maklumat berkaitan dan masalah *multistep* (Mastropieri & Scruggs, 2006; Xin & Zhang, 2009). Di samping itu, penyelesaian masalah berayat dalam matematik memerlukan pelajar mencari jalan penyelesaian masalah berbeza daripada soalan-soalan lain yang hanya memerlukan penguasaan kemahiran melaksanakan operasi matematik sahaja. Kemampuan pelajar menaakul dan menguasai pengetahuan konsep, pengetahuan prosedur dan juga kemahiran strategi tertentu yang saling berkaitan adalah sangat diperlukan untuk menyelesaikan masalah berayat dalam matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Penyelesaian masalah berayat adalah salah satu kemahiran yang harus dikuasai pelajar selain kemahiran asas untuk mendapat pencapaian baik dalam mata pelajaran Matematik, kerana kemahiran penyelesaian masalah mempunyai hubungan positif dengan pencapaian matematik pelajar (Ong, 2003). Penyelesaian masalah berayat melibatkan kefahaman dan penguasaan konsep asas matematik dan penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelbagai strategi. Penyelesaian masalah berayat adalah penting kerana pelajar akan belajar bagaimana mencari penyelesaian secara sistematik dan logik. Di samping itu ia juga menjadi asas kepada penyelesaian masalah berayat dalam mata pelajaran lain pada peringkat yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun kajian mendapati masalah matematik berayat menimbulkan banyak kesukaran dan kesilapan di kalangan murid peringkat awal persekolahan serta murid gagal dalam melaksanakan penyelesaian yang betul kerana tidak memahami dengan sempurna masalah matematik berayat (Bransford et al., 1996). Menurut Ng (1984), penyelesaian masalah berayat dikenal pasti sebagai suatu kesukaran dalam pembelajaran Matematik. Mayer, Tajika dan Stanley (1991) juga melaporkan bahawa majoriti pelajar di Amerika Syarikat menunjukkan prestasi penyelesaian masalah yang rendah berbanding negara-negara perindustrian lain. Oleh itu pelajar seharusnya didedahkan aspek kemahiran asas dan pelbagai strategi penyelesaian masalah kerana dengan memilih satu strategi sahaja tidak memadai dalam penyelesaian masalah berayat.

Di samping itu masalah juga timbul dalam pengajaran dan pembelajaran penyelesaian masalah berayat disebabkan oleh proses penyelesaian masalah yang sering menggunakan teknik menghafal prosedur dan operasi matematik dan angka-angka dan istilah sebagai kata kunci (Mohd Uzi, 1999). Ketidakupayaan pelajar menyelesaikan masalah berayat menyebabkan pelajar tidak menjawab soalan walaupun mereka mempunyai kemahiran melakukan operasi asas matematik. Kajian oleh Pusat Pembangunan Kurikulum (PPK), Kementerian Pelajaran Malaysia (2002) mendapati pelajar tidak dapat menterjemahkan masalah matematik yang berbentuk cerita atau berayat dalam bentuk ayat matematik. Kajian yang dijalankan oleh Kaur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(1997) pula, mendapati pelajar gagal dalam penyelesaian masalah berayat disebabkan oleh: a) kurang memahami masalah yang dikemukakan; b) kurang pengetahuan merancang strategi penyelesaian; c) tidak dapat menterjemahkan masalah ke dalam bentuk matematik; d) salah mentafsir maklumat yang diberi; d) pengetahuan matematik yang kurang dan e) kesilapan pengiraan. Menurut Yan dan Zhang (2009) pula, memindahkan penyelesaian masalah berayat adalah sukar dan pelajar gagal menggunakan kemahiran yang mereka pelajari dalam menyelesaikan masalah berayat yang mudah hingga masalah kompleks yang melibatkan situasi yang berbeza.

Penyelesaian masalah berayat matematik merupakan sebahagian daripada komponen penting dalam kurikulum matematik KBSR. Ini jelas tergambar dalam komponen soalan matematik Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2007, yang terdiri daripada 70% soalan berbentuk masalah berayat. Mengikut kupasan jawapan peperiksaan matematik 2007 bagi peperiksaan UPSR, terdapat calon daripada kumpulan berpencapaian sederhana dan rendah tidak cuba menyelesaikan masalah sepenuhnya dan ini menyebabkan mereka sukar mendapat markah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Calon dalam kumpulan ini didapati kurang tepat membuat tafsiran maklumat daripada soalan untuk penyelesaiannya. Manakala bagi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2007, calon tidak menguasai konsep dan kemahiran penyelesaian masalah matematik. Calon SPM pula sering meninggalkan langkah-langkah penyelesaian yang penting dan tidak menunjukkan langkah penyelesaian dengan kemas dan teratur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengambil kira kajian-kajian dan keputusan PISA 2003, TIMSS 1998, TIMSS 2003 dan TIMSS 2007 yang telah dihuraikan dalam latar belakang kajian, dan juga daripada pengalaman pengkaji sendiri, penyelesaian masalah berayat menimbulkan banyak kesukaran dan kesilapan dalam kalangan pelajar di sekolah. Maka satu kajian mendalam perlu dijalankan dalam bidang penyelesaian masalah berayat, khususnya mengenal pasti kesilapan dan strategi penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar yang membawa kepada kegagalan. Ini dapat memberi tanda berkaitan dengan peringkat dan jenis kesilapan dan kesesuaian strategi digunakan oleh pelajar pelbagai tahap pencapaian dalam menyelesaikan masalah berayat matematik. Dengan itu penjelasan yang lebih tepat serta persoalan mengapa pelajar masih lemah dalam penyelesaian masalah berayat dalam sesuatu tajuk akan terjawab dan seterusnya langkah-langkah proaktif dapat dijalankan dari segi strategi pengajaran penyelesaian masalah berayat. Justeru perhatian serius dapat diberi terhadap isu yang timbul supaya tidak berlarutan sehingga peringkat menengah atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis kesilapan dan strategi yang digunakan oleh pelajar-pelajar pelbagai tahap pencapaian dalam menyelesaikan masalah berayat. Secara spesifiknya objektif kajian ini adalah untuk:

i. mengenal pasti jenis kesilapan pelajar tingkatan dua mengikut tahap pencapaian dalam menyelesaikan masalah berayat matematik,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. membandingkan jenis kesilapan pelajar tingkatan dua mengikut tahap pencapaian dalam menyelesaikan masalah berayat matematik,

iii. mengenal pasti strategi yang digunakan oleh pelajar tingkatan dua mengikut tahap pencapaian dalam menyelesaikan masalah berayat matematik, dan

iv. membandingkan strategi yang digunakan oleh pelajar tingkatan dua mengikut tahap pencapaian dalam menyelesaikan masalah berayat matematik,

Jenis-jenis kesilapan ini akan dikenal pasti mengikut Prosedur Analisis Kesilapan Newman (1977) yang melibatkan prosedur temu bual semi berstruktur, berdasarkan satu siri soalan mengikut lima peringkat penyelesaian masalah. Tumpuan kajian ini adalah ke atas penyelesaian masalah berayat bagi domain nombor sahaja. Manakala tahap pencapaian terbahagi kepada pelajar berpencapaian cemerlang, baik, sederhana dan lemah berdasarkan skor dalam peperiksaan pertengahan tahun, semasa sampel kajian berada di tingkatan dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian dinyatakan, kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut :

i. Apakah jenis kesilapan pelajar tingkatan dua mengikut tahap pencapaian dalam menyelesaikan masalah berayat matematik?

ii. Adakah terdapat perbezaan dalam jenis kesilapan pelajar tingkatan dua mengikut tahap pencapaian dalam menyelesaikan masalah berayat matematik?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Apakah strategi yang digunakan pelajar tingkatan dua mengikut tahap pencapaian dalam menyelesaikan masalah berayat matematik?

iv. Adakah terdapat perbezaan dalam strategi yang digunakan oleh pelajar tingkatan dua mengikut tahap pencapaian dalam menyelesaikan masalah berayat matematik?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Bagi menghuraikan jenis-jenis kesilapan penyelesaian masalah berayat matematik, kajian ini menggunakan teknik yang diperkenalkan oleh Newman (1977) yang diubahsuai. Newman (1977) telah menerbitkan data berasaskan satu sistem yang dibangunkan untuk menganalisis kesilapan bagi tugasan bertulis, terutama faktor bahasa dalam pembelajaran matematik dan ketidaksesuaian program pemulihan matematik yang terlalu menekankan algoritma. Secara ringkas kerangka kajian bagi mengenal pasti jenis kesilapan dan strategi bagi pelajar pelbagai pencapaian boleh dilihat dalam Rajah 1.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Jenis Kesilapan dan Strategi Penyelesaian Masalah

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan berasaskan Model Hierarki Kesilapan Newman yang diubahsuai mengikut objektif kajian. Kerangka ini mengandungi enam jenis kesilapan: pembacaan, pemahaman, transformasi, kemahiran memproses, pengekodan dan kecuaian. Newman menggunakan 'hierarki' kerana kegagalan pada mana-mana peringkat menghalang pelajar mendapat penyelesaian yang memuaskan (Newman, 1977, 1983). Dapatan akan dikira berdasarkan jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar pelbagai pencapaian pada kesilapan langkah kerja yang pertama. Kerangka ini juga menggabungkan jenis strategi yang digunakan oleh pelajar pelbagai pencapaian berdasarkan strategi yang disyorkan dalam *Form Two Mathematics Curriculum Specifications* (Ministry of Education Malaysia, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada pelajar tingkatan dua di sebuah sekolah menengah harian di Daerah Kuala Selangor. Kajian ini dijalankan untuk tujuan mengenal pasti jenis kesilapan dan strategi yang digunakan oleh dua belas orang pelajar yang berpencapaian cemerlang, baik, sederhana, dan lemah dalam menjawab soalan penyelesaian masalah berayat matematik. Pengumpulan data dijalankan menggunakan ujian bertulis serta temu bual semi berstruktur dan dianalisis berdasarkan Prosedur Analisis Kesilapan Newman. Penganalisisan kandungan temu bual dan rakaman pemerhatian dijalankan untuk menyokong dapatan kajian ini. Item ujian bertulis hanya mewakili domain nombor dengan aras kognitif item ujian yang hanya menguji aras aplikasi berdasarkan Taksonomi Bloom (Bloom, 1956). Tumpuan hanya dibuat untuk mencapai objektif kajian tanpa mengambil kira lokasi sekolah, bangsa, latar belakang sosioekonomi, pengalaman guru yang mengajar dan persekitaran sekolah. Justeru itu dapatan kajian tidak dapat digunakan untuk membuat pengitlakan bagi semua pelajar tingkatan dua di Malaysia.

1.8 Kepentingan Kajian

Pengajaran matematik melalui penyelesaian masalah berayat boleh mencipta suatu konteks yang mensimulasikan kehidupan sebenar. *National Council of Teachers of*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mathematics (1980) mengesyorkan penyelesaian masalah berayat harus difokuskan dalam pengajaran matematik kerana ia mengandungi kemahiran dan fungsi yang penting dalam kehidupan seharian. Selain itu ia dapat mengadaptasi perubahan dan masalah yang tidak dijangkakan dalam tugas dan kehidupan seharian (Margaret, 2008). Maka hasil kajian ini boleh dijadikan panduan dan mempunyai kepentingan kepada pelajar, pendidik, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

i. Pelajar

Pelajar dapat mengenal pasti kelemahan diri pada peringkat awal dan membolehkan mereka memperbetulkan persepsi terhadap masalah berayat yang dianggap sukar untuk dijawab. Di samping itu penguasaan kemahiran menyelesaikan masalah di peringkat menengah rendah akan membantu pelajar-pelajar menjawab soalan penyelesaian masalah yang lebih kompleks di peringkat menengah atas nanti. Selain itu mereka bukan sahaja dapat mengaplikasikan kemahiran ini dalam mata pelajaran matematik tetapi juga untuk mata pelajaran lain di sekolah.

ii. Pendidik

Pendidik sama ada di peringkat sekolah, kolej atau universiti perlu mengetahui bagaimana pelajar berfikir sehingga cenderung melakukan kesilapan dalam penyelesaian masalah berayat. Ini membantu mereka membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran dan membolehkan mereka mengatur langkah-langkah sewajarnya bagi mengelakkan pelajar-pelajar terus mengalami kegagalan yang boleh melemahkan motivasi mereka untuk menjawab soalan penyelesaian masalah berayat. Langkah-langkah pemulihan yang sewajarnya dapat dilakukan supaya dapat memotivasikan mereka dalam menjawab soalan berayat dengan lebih yakin. Menurut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lim (2000), apabila seseorang guru mengenal pasti kesilapan pelajar pada peringkat permulaan, maka pemulihan yang dijalankan sudah tentu dapat membimbing pelajar mengatasi kelemahan dan membina keyakinan diri dan minat terhadap matematik.

iii. Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS)

Kajian ini penting bagi kegunaan khasnya kepada bakal-bakal graduan lepasan IPTA dan IPTS dalam mempersiapkan diri mereka menjadi pendidik dengan kemahiran-kemahiran seperti kaedah pengajaran dan strategi untuk mengajar penyelesaian masalah berayat matematik. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran sebenar tentang kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menjawab soalan penyelesaian masalah berayat dan memudahkan mereka mengatur strategi yang sesuai apabila mereka tamat pengajian dan memulakan tugas sebagai pendidik matematik.

iv. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian ini akan memberi gambaran tentang kelemahan pelajar dalam menyelesaikan masalah berayat. Ini boleh dijadikan panduan kepada KPM menggubal dasar dan memberi penekanan dalam pengajaran penyelesaian masalah berayat matematik dalam kurikulum ke arah membina pemikiran pelajar yang boleh menghadapi masalah dalam kehidupan seharian nanti.

Di samping itu kajian ini dapat membantu memudahkan penyelesaian masalah dalam subjek-subjek lain kerana penyelesaian berayat matematik merupakan asas kepada penyelesaian masalah secara keseluruhannya. Mengenal pasti kesilapan dan strategi ini juga dapat membantu meningkatkan pencapaian dan kemahiran, di samping melahirkan generasi yang dapat menyelesaikan masalah dalam apa keadaan sekalipun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Definisi Istilah

Bahagian ini memberikan definisi beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini. Istilah-istilah tersebut adalah penyelesaian masalah dalam matematik, penyelesaian berayat matematik, kesilapan, strategi dan tahap pencapaian.

1.9.1 Penyelesaian Masalah dalam Matematik

Mengikut Krulik dan Rudnick (1989), masalah adalah situasi yang dihadapi oleh individu yang memerlukan penyelesaian. Charles dan Lester (1982) mendefinisikannya sebagai tugasan di mana ia memerlukan satu penyelesaian tanpa mempunyai prosedur yang sedia ada. Pelajar harus melakukan percubaan untuk mendapatkan penyelesaiannya. Penyelesaian masalah merupakan proses yang digunakan untuk mendapatkan jawapan terbaik bagi apa yang tidak diketahui (Parmjit & Lau, 2006). Menurut Charles, Lester dan O'Daffer (1987), penyelesaian masalah adalah koordinasi pengetahuan, pengalaman lampau, intuisi, sikap, kepercayaan dan pelbagai kebolehan. Manakala bagi Wheatley (1991), menyelesaikan masalah bererti mencari jalan daripada kesukaran, halangan dan mendapatkan jawapan yang tidak diperoleh dengan serta merta. Penyelesaian masalah juga didefinisikan sebagai proses mendapatkan jawapan atau menggunakan pendekatan baru yang melibatkan lebih dari satu aplikasi peraturan mudah dan menggunakan strategi tertentu yang pernah dipelajari (Jerome, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, penyelesaian masalah matematik adalah soalan atau situasi yang pelajar terima sebagai cabaran dan berusaha mencari jawapan dengan menggunakan langkah-langkah dan strategi yang sesuai untuk mendapatkan jawapan yang betul. Pelajar harus mampu merancang dan melaksanakan strategi, dan memiliki pengetahuan tentang prosedur penyelesaian masalah yang telah diajar di sekolah.

1.9.2 Penyelesaian masalah berayat matematik

Menurut Mayer (1985), penyelesaian masalah berayat matematik adalah proses yang dilakukan oleh pelajar untuk mendapatkan jawapan berdasarkan maklumat yang diberikan dalam masalah berbentuk cerita atau situasi dengan menggunakan peraturan dan prosedur yang telah dipelajari. Pelajar harus berkebolehan menterjemahkan maklumat kepada bentuk yang ringkas supaya mudah difahami. Menurut Lester dan Kehle (2003), menyelesaikan masalah melibatkan pelajar menggunakan pelbagai tindakan kognitif termasuk mencapai dan menggunakan pengetahuan dan pengalaman lepas untuk menjana pengetahuan baru. Mengikut Ellerton (2003) pula, mengenal pasti sesuatu masalah matematik memerlukan kemampuan individu untuk menterjemahkan masalah yang diberi ke bentuk perwakilan-perwakilan matematik secara mental dan dalam bentuk nombor dan operasi.

Dalam kajian ini masalah berayat matematik merujuk kepada soalan matematik yang mempunyai informasi latar belakang yang berbeza dan bukan dinyatakan dalam bentuk notasi matematik, sebaliknya dalam bentuk teks. Masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berayat matematik melibatkan naratif dan dirujuk sebagai masalah bercerita dan berbeza dari segi amaun bahasa yang digunakan. Masalah berayat matematik ini perlu dibaca dengan teliti untuk memastikan pemahaman tentang apa yang perlu diselesaikan.

Semasa menyelesaikan masalah berayat matematik pelajar bukan sahaja akan melalui pengalaman antara bahasa dan matematik tetapi juga mengalami pengalaman merasai dan mengenali realiti matematik untuk menghasilkan penyelesaian masalah yang dapat diterima dan memberi maksud kepada apa yang berlaku dalam masalah. Penyelesaian masalah berayat matematik dalam kajian ini juga merupakan pelaksanaan kerja penyelesaian dengan menentukan strategi penyelesaian masalah yang melibatkan aplikasi kemahiran konsep yang dikuasai serta pengalaman sedia ada pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.3 Kesilapan

Dalam kajian ini kesilapan yang dilakukan oleh pelajar diklasifikasikan dan disusun secara berperingkat seperti yang disyorkan oleh Newman (1977). Mengikut Clement (1980) prosedur Newman adalah *versatile*, di mana ia dapat digunakan untuk mengenal pasti kesilapan pada pelbagai peringkat. Reid dan Denny (2005) mengatakan prosedur Newman melibatkan temu bual pelajar dengan menggunakan satu siri soalan yang dapat memeriksa dengan teliti kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Prosedur ini amat sesuai digunakan sama ada untuk penyelesaian masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rutin atau bukan rutin. Justeru dalam kajian ini ia akan dijadikan asas kepada analisis kesilapan soalan penyelesaian masalah berayat, iaitu peringkat kesilapan membaca, kesilapan pemahaman, kesilapan transformasi, kesilapan kemahiran memproses, kesilapan pengekodan dan kesilapan kecuaian. Huraian terperinci bagi setiap kesilapan boleh dirujuk dalam Bab 2.

1.9.4 Strategi

Menurut Schoenfeld (1980), strategi bermaksud satu cadangan umum, bebas kepada mana-mana topik tertentu atau subjek yang membantu pendekatan penyelesai masalah dan memahami sesuatu masalah dan mengatur secara efisien maklumat untuk menyelesaikan masalah. Pengkaji lain (Cai, *et al*., 1996; Lesh & Zawojewski, 2007; Resnick, 1989; Robitaille & Travers, 1992), menjelaskan bahawa strategi yang digunakan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah adalah lebih penting dari mendapat jawapan yang betul kerana ini akan membantu dalam memahami dengan lebih mendalam tentang bagaimana pelajar mendekati masalah dan apakah perwakilan yang dipilih untuk digunakan di samping bagaimana mereka menginterpretasikan jawapan. Dalam kajian ini strategi membawa erti sebagai langkah-langkah atau prosedur-prosedur yang menjadi panduan kepada pelajar dalam menyelesaikan masalah berayat matematik daripada peringkat memahami hingga mendapatkan jawapan. Pelajar bukan sahaja menggunakan satu strategi tetapi kombinasi pelbagai strategi untuk menjawab satu-satu soalan. Strategi yang digunakan tidak semestinya strategi yang diajar di dalam kelas tetapi juga menggunakan pengetahuan sedia ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau pelbagai cara untuk mendapatkan jawapan yang betul. Antara strategi dalam penyelesaian masalah matematik adalah cuba jaya, melukis gambar rajah, mengenal pasti pola, melukis jadual, menyenaraikan secara sistematik, bekerja dari belakang, penaakulan logik, mempermudah masalah dan menggunakan algebra dan aritmetik.

1.9.5 Tahap pencapaian

Tahap pencapaian memberi maksud keupayaan dan kebolehan pelajar-pelajar menguasai matematik pada akhir pembelajaran. Dengan kata lain, pencapaian adalah kejayaan yang diperoleh oleh para pelajar dalam peperiksaan yang diadakan di sekolah dan dikategorikan kepada cemerlang, baik, sederhana atau lemah. Dalam kajian ini, pencapaian dalam matematik pelajar adalah berdasarkan skor yang diperoleh oleh pelajar dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun iaitu pada tahun kajian ini dijalankan. Soalan peperiksaan tersebut telah disemak oleh Ketua Panitia Matematik dan disahkan oleh Ketua Bidang Sains dan Matematik sekolah berkenaan supaya dapat menunjukkan pencapaian pelajar yang sebenar. Pelajar yang tidak termasuk dalam kategori iaitu pelajar yang memperoleh skor kurang dari 50 dirasakan kurang sesuai dijadikan partisipan berdasarkan objektif kajian. Kategori pencapaian tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

Kategori Pencapaian Mengikut Skor Peperiksaan Pertengahan Tahun

Skor	Kategori pencapaian
80-100	*Cemerlang*
70-79	Baik
60-69	Sederhana
50-59	Lemah

1.10 Rumusan

Dalam bab ini pengkaji menghuraikan pendahuluan kajian yang mengandungi pelbagai aspek termasuklah pengenalan kajian, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi operasi yang digunakan dalam kajian. Dapatan kajian yang diperoleh diharap dapat dijadikan landasan dalam meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran di samping membantu guru dan pelajar memahami kesilapan yang dilakukan dan mengenal pasti strategi yang digunakan oleh pelajar dalam penyelesaian berayat matematik dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi